



## **SIARAN MEDIA MPS SITA 5 BUAH LORI BUANG SAMPAH HARAM**

Sebanyak 5 buah lori yang disyaki menjalankan kerja-kerja pembuangan sampah di tapak pelupusan sampah haram telah disita semasa pemantauan yang diadakan di beberapa hotspot sampah haram di Selayang pada minggu lepas.

Tiga sitaan telah dibuat di 3 lokasi berasingan pada 4 Februari 2021. Dua sitaan dibuat di Kampung Sungai Chincin ketika rondaan dimana sebuah lori roro yang membawa sisa binaan dan sampah didapati sedang menuju ke tapak pembuangan sampah haram di lokasi berdekatan. Manakala sebuah lagi lori roro yang membawa muatan sisa binaan dan sampah telah disita di atas tanah Lot 1414 Kg. Sg. Chinchin di mana pemandu lori tersebut memberi alasan bahawa muatan yang dibuang adalah untuk tujuan penambakan tanah di lokasi tersebut. Sitaan seterusnya dibuat setelah anggota penguatkuasa mengikuti sebuah lori tanah yang membawa muatan sisa binaan dan sampah di lokasi pembuangan Kg. Sg. Pusu.

Pada 5 Februari 2021, satu lagi sitaan telah dibuat di tapak pelupusan sampah Kampung Sungai Pusu membawa muatan sampah sisa bangunan dan tanah dan pada 8 Februari 2021, sebuah lagi lori telah ditahan dikawasan berdekatan hutan di Apartment M Aruna di Bandar Country Homes.

Sitaan ke atas lori yang dikenakan dan kompaun sebanyak RM1,000 telah dikenakan ke atas semua pesalah. Kesemua lori-lori yang disita telah dibawa ke depoh tahanan MPS di Rawang dan akan disimpan selama 30 hari sebelum tuntutan semula dibenarkan dibuat. Kesemua tindakan ini dibuat dibawah Seksyen 4 (Kompaun) dan Seksyen 21 (Sitaan) di bawah Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap (MPS) 2007.



MPS ingin memberi amaran bahawa tindakan tegas dibawah undang-undang akan diambil kepada pihak yang terlibat dengan aktiviti pembuangan sampah haram. Orang ramai juga diminta untuk melaporkan sebarang aktiviti pembuangan sampah haram di kawasan masing-masing.

**#TAMAT#**

**Dikeluarkan Oleh:  
Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Selayang**

**9 Februari 2021**